

49 pegawai Palapes USIM diserahkan kepada Palapes UKM

Oleh SITI MAIZATUL AKMAR ISMAIL

SERAMAI 49 Pegawai kadet Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang terdiri daripada 25 lelaki dan 24 wanita diserahkan kepada Palapes Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam majlis rasmi yang diadakan di kampus USIM di Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan baru-baru ini.

Upacara penyerahan dilakukan dengan menandatangani plak penyerahan oleh Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Abdul Shukor Husin dan Naib Canselor UKM, Prof. Tan Sri Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin.

Ia disaksikan oleh Timbalan Panglima Tentera Darat, Leftenan Jeneral Datuk Zulkifeli Mohd. Zin.

Dalam ucapannya, Zulkifeli menyeru semua Pegawai Kadet Palapes agar penyerahan di dalam Palapes ini tidak terhenti setakat di universiti sahaja.

Beliau berkata, seharusnya para pelajar sekalian mengambil peluang untuk terus menabur bakti demi maruah negara.

"Ini dapat dilakukan dengan menyertai pasukan Askar Wataniah Malaysia setelah tamat pengajian di universiti," kata beliau.

Pegawai Kadet Palapes USIM ditumpangkan ke Palapes UKM bermula Semester I Sesi 2009/2010. Program kerjasama ini dipersetujui oleh Komandan Palapes UKM, Sharifah Hapsah.

Penubuhan Palapes USIM ini mendapat restu Panglima Tentera Darat untuk ditumpangkan kepada Palapes UKM.

Latihan kepada pegawai kadet diadakan pada Sabtu dan Ahad mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Pelajar Palapes USIM akan mengikuti pengajaran dan pembelajaran di UKM sama seperti pelajar Palapes UKM yang lain.

Pemilihan UKM untuk melatih Pegawai Kadet Palapes USIM adalah bertepatan dengan misi, visi dan objektif UKM yang merupakan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang pertama menubuhkan Palapes dalam negara ini.

Sehingga kini seramai 1,994 graduan UKM telah ditauliahkan sebagai Pegawai Muda Palapes.

Menurut Abdul Shukor, walaupun USIM tidak dapat melaksanakan program Palapes di USIM, tetapi kelulusan untuk melatih pelajar USIM sebagai Palapes UKM membawa pengertian yang sangat bermakna.

"Saya kira ini merupakan langkah pertama bagi penubuhan Palapes USIM sendiri.

Terima kasih kepada Dr. Sharifah Hapsah yang telah sudi menerima pelajar USIM menjalani latihan program Palapes di sana," kata beliau lagi.

Latihan Pegawai Kadet Palapes ini mengambil masa tiga tahun. Mereka akan menjalani latihan yang memerlukan pengorbanan dari segi masa, tenaga dan komitmen.

Sementara itu, Sharifah Hapsah dalam ucapannya berkata, program ini amat baik bagi membina sahsiah



PEGAWAI Kadet Palapes yang mengambil bahagian dalam perbarisan sempena penyerahan dari USIM ke UKM di Nilai, Negeri Sembilan, baru-baru ini.

diri setiap pelajar yang menyertainya dan sedaya upaya melatih semua pegawai kadet ini sebaik yang mungkin dengan bantuan barisan jurulatih Palapes UKM.

Turut hadir, Pemangku Panglima Latihan Tentera Darat, Brigedier Jeneral Datuk Md. Azman Rosli dan Asisten Panglima Pasukan Simpanan Tentera Darat, Brigedier Jeneral Datuk Fazlurrahman Mohammad Irfan.